



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BILANGAN 3/2016**

**Garis Panduan Tatacara Pengeluaran Bahan Batuan
(Pasir dan Batu Kuari) Pada Hari Sabtu**

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai tatacara pengeluaran bahan batuan (pasir dan batu kuari) pada setiap hari Sabtu di bawah seksyen 69 dan 70 Kanun Tanah Negara 1965 di seluruh Negeri Sembilan.

2. Latar Belakang

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang bersidang pada 30 Mac 2016 melalui Kertas Mesyuarat No.725/2016 telah memutuskan agar suatu garis panduan pengeluaran bahan batuan (pasir dan batu kuari) dikeluarkan bagi mengawal pengeluaran yang dibuat pada hari Sabtu.
- 2.2 Seterusnya Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Negeri Sembilan telah menyemak semula Pekeliling PTGNS Bil 2/2012 dan menambahbaik

peraturan pengeluaran bahan batuan dengan memasukkan beberapa syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh pemegang permit sekiranya pengeluaran hendak dibuat pada hari Sabtu.

3. Pelaksanaan

3.1 Semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan diminta mengambil perhatian dan melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dengan mematuhi kehendak peraturan seperti berikut:

3.1.1. memastikan semua aktiviti pengeluaran bahan batuan pada hari Sabtu telah mendapat kelulusan daripada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan;

3.1.2. tempoh pengeluaran dan pengalihan yang dibenarkan pada hari Sabtu adalah mulai jam **8.00 pagi sehingga jam 2.00 petang**;

3.1.3. lori-lori pengangkut tidak dibenarkan beroperasi di atas jalan-jalan utama yang melalui bandar, kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi, kawasan riadah dan rekreasi serta bangunan-bangunan Kerajaan;

3.1.4. semua permohonan bagi pengeluaran bahan batuan pada hari Sabtu hendaklah dikemukakan secara mingguan selewat-lewatnya **tiga hari sebelum** hari pengeluaran kepada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan menggunakan borang seperti di **Lampiran A**; dan

3.1.5. Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memantau aktiviti pengeluaran pada hari Sabtu dan sekiranya terdapat unsur-unsur pelanggaran syarat sebanyak tiga (3) kali [seperti di para 3.1.1. hingga 3.1.4.],

permit pengeluaran yang telah diluluskan kepada pengusaha akan dibatalkan.

4. Pemakaian

4.1. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Bil. 2/2012 dan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 3/2009 serta hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh semua warga kerja pentadbiran tanah Negeri Sembilan.

5. Tarikh Kuatkuasa

5.1 Pekeliling ini dikeluarkan menurut perenggan 15(i)(g) Kanun Tanah Negara 1965 dan mula berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.



(DATO' ZULKIFLI BIN BAHARAN)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 12 April 2016
Rujukan : Bil (92) dlm. PTG.NS 10/14 klt.3



**SURAT KEBENARAN PENGELUARAN BAHAN BATUAN
PADA HARI SABTU**

DAERAH : _____

1. BUTIR – BUTIR PERMIT

- (a) Nama Pemegang Permit :
- (b) No. Kad Pengenalan /
No. Pendaftaran Syarikat :
- (c) Alamat :
- (d) No. Fail :
- (e) No. Permit :
- (f) Tarikh dikeluarkan :
- (g) Tempoh sah laku permit : dari hingga
(bulan) (bulan)
- (h) Jenis bahan batuan :
(Batu kuari / Pasir)
- (i) Kuantiti yang dibenarkan :
(Tan metrik / meter padu)

2. BUTIR – BUTIR MENGENAI TANAH

- (a) Status Tanah :
(Tanah Kerajaan/Tanah milik/Rizab)
- (b) No. Lot/PT :
(jika berkenaan)
- (c) No. Hakmilik :
(jika berkenaan)
- (d) Mukim :

(e) Daerah

(f) Luas tanah

(hektar)

3. BUTIR – BUTIR KENDERAAN

(a) Jenis lori

(b) No. pendaftaran lori

(c) Lokasi penghantaran

4. TARIKH PENGELUARAN YANG DIPOHON

(a)
(masukkan tarikh)

.....
Tandatangan pemohon

Nama :

Tarikh :

KEPUTUSAN PENTADBIR TANAH DAERAH

(a) Diluluskan / Tidak diluluskan.

(b) Tarikh pengeluaran yang diluluskan :
(jika diluluskan)



.....
Tandatangan Pentadbir Tanah

Tarikh :

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- (a) Kebenaran ini adalah berkuatkuasa **pada hari Sabtu yang diluluskan sahaja**. Pemohon perlu membuat permohonan semula untuk kebenaran bagi minggu yang berikutnya. Permohonan untuk kebenaran keluar pada hari Sabtu bagi minggu berikutnya boleh dibuat di Pejabat Tanah Daerah untuk kelulusan Pentadbir Tanah;
- (b) Pemegang permit atau pengusahanya hanya dibenarkan untuk memindahkan atau mengangkut bahan bantuan keluar dari kawasannya dari jam **8.00 pagi hingga 2.00 petang**;
- (c) Pemegang permit atau pengusahanya adalah dikehendaki mencuci tayar-tayar lori daripada segala bentuk kotoran sebelum memasuki jalan raya yang diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah. Lori – lori yang membawa bahan batuan tersebut adalah **tidak dibenarkan melalui jalan – jalan utama pusat bandar**;
- (d) Pemegang permit atau agennya hendaklah membekalkan **doket yang telah dilengkapi** kepada pemandu lori yang digunakan untuk memindah dan mengangkut bahan bantuan;
- (e) Setiap doket hendaklah dilengkapi sepenuhnya dengan terang dan jelas menggunakan pena mata bulat. Penggunaan "*magic pen*" adalah dilarang sama sekali dan jika digunakan, tindakan undang-undang di bawah seksyen 422 (a) Kanun Tanah Negara boleh diambil oleh Pihak Berkuasa;
- (f) Di samping pematuhan kepada syarat-syarat yang dikeluarkan ini, pemegang permit atau pengusaha adalah turut dikehendaki mematuhi syarat-syarat atau arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Pentadbir Tanah atau jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan dari masa ke semasa.
- (g) Kegagalan mematuhi arahan atau syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah dan jabatan-jabatan teknikal boleh menyebabkan deposit pemegang permit dirampas keseluruhannya mengikut subseksyen 74(2) Kanun Tanah Negara dan Kaedah 24(2) Kaedah-Kaedah Tanah Negeri, Negeri Sembilan. Pada masa yang sama permit bahan bantuan turut boleh digantung atau dibatalkan dan buku doket boleh dirampas.